

NAMA :

KELAS :

SEJARAH TAHUN 6

UNIT 9 : PEMIMPIN YANG KU SANJUNGI

A. Nyatakan sejarah kewujudan jawatan Perdana Menteri mengikut kronologi.


Persekutuan Tanah Melayu telah mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957. Oleh yang demikian, Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj dilantik sebagai Perdana Menteri.

Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan telah diadakan. Hal ini bertujuan untuk menyediakan Persekutuan Tanah Melayu ke arah berkerajaan sendiri.

Selepas pembentukan Malaysia, jawatan Perdana Menteri diteruskan sehingga ke hari ini.

Parti Perikatan memenangi 51 daripada 52 kerusi yang dipertandingkan. Parti tersebut terdiri daripada United Malays Nation Organization (UMNO), Malayan Chinese Association (MCA) dan Malayan Indian Congress (MIC).

Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj telah dilantik menjadi Ketua Menteri disebabkan kemenangan tersebut. Tambahan lagi, beliau merupakan ketua Parti Perikatan.



B. Jelaskan bidang tugas Perdana Menteri.

Menjalankan pentadbiran negara bersama-sama dengan menteri.

Memperbaiki taraf kehidupan.

Menasihati Yang di-Pertuan Agong dalam hal ehwal pentadbiran negara.

Mengiringi Yang di-Pertuan Agong dalam Mesyuarat Majlis Raja-Raja.

Membincangkan dasar-dasar negara.

Melaksanakan dasar-dasar negara.

